



02 JUL, 2025

## 85 peratus nikmati kadar rendah



SelangorKini, Malaysia

Kadar elektrik lebih adil

# 85 peratus nikmati kadar rendah

**SHAH ALAM** - Sebanyak 85 peratus pemilik akaun domestik dijangka menikmati kadar elektrik sama atau lebih rendah mulai 1 Julai jika penggunaannya tidak melebihi 1,000 kilowatt jam sebulan.

Menurut Menteri Komunikasi Datuk Fahmi Fadzil, pelaksanaan jadual tarif baharu itu antara komitmen kerajaan untuk membuat reformasi dalam sektor tenaga negara, lapor Bernama.

Katanya, langkah itu selaras Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang menyasar peningkatan penggunaan tenaga boleh baharu dan pengurangan pelepasan karbon menjelang 2050.

"Ini membuktikan bahawa dalam membawa pembaharuan, manfaat kepada rakyat masih menjadi keutamaan," katanya selepas merasmikan Karnival Kita Madani di ibu negara pada 22 Jun.

Pada 20 Jun, Suruhanjaya Tenaga memaklumkan lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung menikmati kadar lebih adil dan progresif hasil pelaksanaan jadual tarif baharu.

Ia berkuat kuasa hingga 31 Disember 2027 berdasarkan kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif selaras peruntukan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990.

Perubahan tarif melibatkan penstrukturkan semula tiga komponen iaitu kadar

purata tarif asas, jadual tarif baharu dan mekanisme pelarasan kos bahan api.

Pelarasan kadar purata asas ditentukan mengikut anggaran kos pembekalan elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) iaitu 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj pada Disember 2024.

Ini sekali gus menjadikan purata kos keseluruhan tarif elektrik berkurangan sehingga 19 peratus berbanding tempoh RP3.

Sementara itu, gula bertapis atau lebih dikenali gula putih kekal tidak dikenakan cukai dalam semakan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang berkuat kuasa mulai 1 Julai.

Berdasarkan kenyataan Kementerian Kewangan pada 20 Jun, hanya gula mentah yang digunakan dalam proses pengeluaran gula halus dikenakan cukai jualan sebanyak lima peratus.

"Namun, seperti yang diumumkan sebelum ini, pengilang dan penapis gula seperti MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) layak memohon pengecualian cukai ke atas bahan mentah dan inputnya.

"Tiada sebab berlaku kenaikan harga gula bertapis, lebih-lebih lagi penapis gula seperti MSM terus terima insentif bulanan kerajaan bagi memastikan ketabilan bekalan dan harga," kata kementerian tersebut.